



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

ADVOKASI KESEJAHTERAAN UNTUK WANITA BANTU MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

KUALA TERENGGANU, 16 JULAI - Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan Program Advokasi Kesejahteraan Untuk Wanita @Keganasan Rumah Tangga atau AKU Wanita @KRT yang dihadiri lebih 500 orang peserta.

Dalam ucapan perasmianya, beliau berkata sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat, KPWKM sentiasa komited dalam memperkukuhkan dasar, undang-undang serta mekanisme dalam menyampaikan maklumat serta sokongan kepada komuniti terutamanya mangsa keganasan rumah tangga.

Program AKU Wanita @KRT diwujudkan sebagai platform strategik bagi mendekati masyarakat melalui aktiviti berimpak tinggi yang telus dalam menangani masalah KRT bersama pemandiri.

Menerusi program ini, isu-isu berkaitan keganasan rumah tangga dibincangkan secara mendalam bersama pakar dalam bidang tertentu dan pemandiri iaitu mangsa yang telah berjaya keluar dari masalah yang akan berkongsi kisah kebangkitan hidup mereka.

Keganasan rumah tangga bukan sekadar isu peribadi atau hal rumah tangga semata-mata. Ia adalah satu kesalahan jenayah dan pelanggaran hak asasi manusia selain menjadi ancaman senyap terhadap kesejahteraan institusi keluarga.

Statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bahawa pada tahun 2024, sebanyak 7,116 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan dan sehingga April tahun yang sama, sebanyak 2,467 kes telah direkodkan di mana Terengganu mencatatkan bilangan kes keganasan rumah tangga yang paling tinggi mengikut nisbah populasi penduduk di negeri itu iaitu sebanyak 379 kes. Sehingga April tahun ini, kes yang dilaporkan di Terengganu adalah sebanyak 104 kes, berbanding 130 kes dalam tempoh yang sama pada tahun lalu.

Antara aktiviti yang dijalankan dalam program ini ialah pengenalan kepada KRT: Punca & Kesan KRT, Slot K-Chat “Langkah Kananku” bersama 30 pemandiri KRT terpilih, sesi energizer dan Slot Perkongsian Ayuh Berani Lapor. Turut diadakan pameran dan reruai Jabatan dan Agensi KPWK M.

Turut hadir Ketua Pengarah JPW, YBrs Puan Hanani Binti Sapit, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat YBrs Puan Rosmahwati binti Ishak, pegawai-pegawai kanan Jabatan dan Agensi KPWK M.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
16 JULAI 2025**